

01/12/1997

Penurunan mata wang, saham agenda dirancang

Zai 97

NEGARA mengalami masalah seperti penurunan nilai mata wang dan nilai saham. Ia adalah agenda yang dirancang untuk mengganggu pertumbuhan ekonomi di rantau ini.

Di samping itu, ia bertujuan merungsingkan pemimpin dan rakyat.

Untuk mencari punca mengapa keadaan ini berlaku terutama di negara kita, cuba kita renungkan sewaktu persidangan menteri Asean tidak lama dulu.

Ketika itu nilai mata wang negara Asean tidak bergolak atau jatuh. Tetapi, apabila Asean menerima kemasukan Myanmar dan Kemboja (ditangguh) pihak tertentu terutamanya Amerika membantah dan meminta negara anggota Asean tidak menerima atau menangguhkan kemasukan Myanmar yang diperintah oleh junta tentera.

Negara kita menjadi penyokong utama penyertaan Myanmar dalam pertubuhan itu. Ini menimbulkan kemarahan negara yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia yang didukung oleh orang kaya seperti George Soros.

Apabila tiada alternatif yang dapat dibuat, mereka menggunakan senjata manipulasi untuk membuat gangguan ekonomi di Asia tenggara.

Kita dianggap degil kerana tidak mengikut telunjuk mereka.

Sebuah majalah asing menyatakan kejatuhan ekonomi di sebelah sini disebabkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mungkin kenyataan editor majalah itu nampak keterlaluan tetapi apabila kita kaji dan nilai, ia seolah-olah petunjuk ada rasa tidak senang hati di kalangan orang atau negara tertentu terhadap Perdana Menteri kita yang sering memperjuangkan prinsip dan menyuarakan sesuatu yang benar.

Selepas gangguan ekonomi yang dirancang gagal menimbulkan suasana panik, mereka mencari jalan lain memburukkan imej Malaysia.

Apabila Dr Mahathir menyelar penyangak ekonomi Soros yang kebetulan berbangsa Yahudi, Dr Mahathir dianggap anti-Yahudi apabila ucapannya di Terengganu disalahtafsirkan.

Ini menjadi senjata bagi ahli Kongres Amerika untuk menekan dan menghentam Dr Mahathir serta menyuruh beliau meminta maaf ataupun meletakkan jawatan.

Kita sebagai rakyat membantah dan kesal dengan kenyataan Ahli Kongres Amerika yang seolah-olah mencabar maruah kita.

Kita bukannya tidak matang dengan kerenah mereka (Amerika) yang hipokrit dalam banyak hal.

Walau apapun yang mereka katakan, kita tetap menyokong dan berdiri teguh di belakang Dr Mahathir.

Semoga beliau akan terus memperjuangkan prinsip dan keadilan serta kebenaran sejagat.

Di sini saya gariskan kenapa Malaysia dianggap degil. Kajian secara rambang ialah kerana:

* Menyokong kemasukan Republik Rakyat China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO):

* Menubuhkan gagasan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dibantah oleh Amerika;

* Menyokong kemasukan Myanmar dalam Asean;

* Syarikat Malaysia melabur di Iran yang didakwa penaja keganasan;

* Lantang menyuarakan kebenaran dan keadilan sejagat yang pada anggapan mereka mencabar kewibawaan mereka;

* Menolak atau membantah penyertaan Amerika dalam Selatan-Selatan;

* Sering mengkritik tindak-tanduk Amerika; dan

* Pembinaan projek Bakun yang menimbulkan kemarahan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) asing.